

**" Kini kami boleh menyimpan  
untuk masa depan dan mendapat  
ganjaran pada masa yang sama! "**



Mendengar. Memahami. Melaksana.

**PRUDENTIAL** 

# Biarkan wang simpanan anda berganda

## Sepintas lalu:

**PRUCash Double Reward** menawarkan anda:

- > **BAYARAN TAHUNAN BERGANDA YANG TERJAMIN**
- > **JUMLAH DIINSURANSKAN BERGANDA** untuk perlindungan dua kali ganda
- > **KEPASTIAN KEWANGAN YANG BERTERUSAN** untuk orang tersayang
- > **TEMPOH PEMBAYARAN PREMIUM LEBIH PENDEK** dengan **TEMPOH PEMBAYARAN TUNAI LEBIH PANJANG**
- > **MELEBARKAN JARING KESELAMATAN ANDA** dengan lebih banyak manfaat tambahan

### Memaksimumkan simpanan anda sambil mendapat ganjaran

Anda bekerja keras dan rajin menyimpan bagi menyediakan kehidupan yang senang untuk keluarga dan persaraan anda. Tetapi anda juga ingin mengecapi nikmat hidup hari ini tanpa dihantui rasa bersalah kerana menggunakan wang simpanan anda.

Memperkenalkan pelan **PRUCash Double Reward** – pelan insurans yang memberikan anda alasan yang kukuh untuk menyimpan. Tingkatkan simpanan keluarga anda atau dana persaraan anda dengan menerima **wang tunai sekali gus apabila matang**. Anda boleh juga menikmati ganjaran **bayaran tahunan terjamin yang BERGANDA** supaya anda dapat mengecapi segala yang diingini. Dengan pelan ini, anda hanya perlu **membayar premium bagi tempoh yang terhad sahaja** untuk menikmati manfaat-manfaat ini.

Lindungilah keluarga anda dengan **manfaat DUA KALI GANDA** dan aliran bayaran yang berterusan.

Buatlah simpanan dan terima ganjaran dengan **PRUCash Double Reward** hari ini!

# » Manfaat

## BAYARAN TAHUNAN BERGANDA YANG TERJAMIN

**PRU**Cash Double Reward menyediakan anda aliran pembayaran yang mantap sebelum matang. Bayaran tahunan terjamin<sup>1</sup> membayar anda **3% daripada jumlah asas diinsuranskan\*** dari akhir tahun pertama dan jumlah ini akan **BERGANDA kepada 6% daripada jumlah asas diinsuranskan\*** pada tahun polisi ke-enam dan seterusnya. Anda juga akan menerima **bonus tahunan tambahan yang tidak dijamin**<sup>2 & 3</sup>, jika ada, di samping menerima bayaran tahunan yang terjamin!

## JUMLAH DIINSURANSKAN BERGANDA untuk perlindungan dua kali ganda

Memahami keperluan anda untuk lebih perlindungan disebabkan komitmen dan kadar inflasi yang meningkat, jumlah diinsuranskan anda akan **BERGANDA daripada jumlah asas diinsuranskan\*** dari tahun polisi keenam dan seterusnya. Ini bermakna anda akan menikmati **perlindungan dua kali lebih banyak** sekiranya sesuatu yang tidak diduga menimpa anda.

Atas kematian dalam tempoh polisi atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal sebelum Ulang Tahun Polisi umur 60 tahun pada hari jadi akan datang atau pada tamat tempoh polisi, yang mana lebih awal, anda atau orang tersayang akan menerima manfaat sekali gus untuk membantu menampung perbelanjaan pada masa depan.

## KEADAAN KEWANGAN yang PASTI BERTERUSAN untuk orang tersayang

Anda boleh yakin kerana **PRU**Legacy akan **terus menyediakan aliran bayaran tahunan yang mantap** yang dikenali sebagai **Manfaat Pendapatan Terjamin (GIB)**<sup>4</sup> untuk orang tersayang apabila anda tidak lagi dapat menyara mereka atas kematian dalam tempoh polisi atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal sebelum Ulang Tahun Polisi umur 60 tahun pada hari jadi akan datang atau pada tamat tempoh polisi, yang mana lebih awal.

\* Jumlah diinsuranskan awal yang dipilih.

<sup>1-4</sup> Sila rujuk 'Nota Penting' untuk definisinya.

## Tempoh **PEMBAYARAN PREMIUM LEBIH PENDEK** dengan tempoh **PEMBAYARAN TUNAI LEBIH PANJANG**

PRUCash Double Reward menawarkan anda **pelbagai pelan** yang disesuaikan dengan gaya hidup dan keperluan individu anda. Anda boleh memilih untuk membayar premium selama 10, 15 atau 20 tahun, di samping menikmati manfaat sehingga 40 tahun.

| <b>Tempoh Pembayaran Premium</b> | <b>Tempoh Polisi</b> |
|----------------------------------|----------------------|
| 10 tahun                         | 20 tahun             |
|                                  | 25 tahun             |
|                                  | 30 tahun             |
|                                  | 35 tahun             |
|                                  | 40 tahun             |
| 15 tahun                         | 25 tahun             |
|                                  | 30 tahun             |
|                                  | 35 tahun             |
|                                  | 40 tahun             |
| 20 tahun                         | 30 tahun             |
|                                  | 35 tahun             |
|                                  | 40 tahun             |


## LEBARKAN JARING KESELAMATAN ANDA dengan manfaat tambahan

Pilihlah perlindungan yang dipertingkatkan dengan membeli **PRULegacy\*\*** demi memastikan orang tersayang tidak akan menanggung sebarang beban kewangan atas kematian dalam tempoh polisi atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal sebelum Ulang Tahun Polisi umur 60 tahun pada hari jadi akan datang atau pada tamat tempoh polisi, yang mana lebih awal.

Anda juga mempunyai pilihan untuk **menepikan premium masa depan** untuk pelan anda sendiri, pasangan anda atau anak anda dengan **rider penepian** sekiranya meninggal dunia, disahkan menghidap penyakit kritis dalam tempoh polisi atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal sebelum Ulang Tahun Polisi umur 60 tahun pada hari jadi akan datang atau pada tamat tempoh rider, yang mana lebih awal.

\*\* tertakluk kepada terma dan syarat

# Huraian ringkas mengenai bagaimana **PRU**Cash Double Reward berfungsi



Rajah di atas memberikan ringkasan struktur asas **PRU**Cash Double Reward untuk lelaki bukan perokok, berumur 35 tahun, dengan premium tahunan RM20,180, jumlah diinsuranskan RM100,000, bagi pelan tempoh polisi 20 tahun dan tempoh pembayaran premium 10 tahun.

**Bayaran Tahunan Terjamin bukan sahaja akan BERGANDA dari tahun polisi 6 dan seterusnya, Jumlah Diinsuranskan anda juga akan BERGANDA DUA KALI jumlah awal, lantas memberikan anda perlindungan tambahan!**

<sup>^</sup> Sila rujuk kepada Ilustrasi Jualan mengena pemerolehah semua manfaat kematangan yang terjamin dan terunjur. Manfaat kematangan terunjur adalah bagi tujuan penjelasan sahaja dan ia adalah tidak dijamin. Nilai terunjur tertakluk kepada undang-undang semasa, cukai, dan pulangan pelaburan yang telah ditetapkan.

# » Mengenai **PRU**Cash Double Reward

## 1. Apakah **PRU**Cash Double Reward?

**PRU**Cash Double Reward adalah pelan penyertaan endowmen jangkaan premium tetap yang memberi anda **bayaran tahunan terjamin** dari akhir tahun polisi pertama di samping perlindungan bagi Kematian & Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD).

## 2. Apakah bonus tidak dijamin yang diberikan?

Selain daripada bayaran tunai tahunan yang terjamin, Prudential juga memberikan anda **bonus-bonus**<sup>2 & 3</sup> yang diisyiharkan setiap tahun dan akan dibayar sekiranya anda meninggal dunia, mengalami hilang upaya, mencapai kematangan polisi atau apabila polisi anda diserahkan.

## 3. Apa manfaatnya?

### Apabila berlaku kematian

Mana-mana yang lebih tinggi antara:

- (a) Jumlah keseluruhan diinsuranskan semasa campur bonus-bonus<sup>2 & 3</sup>; atau
- (b) Jumlah keseluruhan premium pelan asas yang telah dibayar, tolak Bayaran Tahunan Terjamin yang sudah diterima; serta

Semua Bayaran Tahunan Terjamin yang terkumpul (jika ada).

### Apabila Matang

- (a) Jumlah keseluruhan diinsuranskan asas; tambah
- (b) Bayaran Tahunan Terjamin yang terakhir; tambah
- (c) Jumlah keseluruhan bonus-bonus<sup>2 & 3</sup>; tambah

Sebarang Bayaran Tahunan Terjamin terkumpul dengan faedah (jika ada).

### Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)

Sama seperti manfaat kematian.

Sekiranya mengalami TPD sebelum Ulang Tahun Polisi umur 60 tahun pada hari jadi akan datang atau pada tamat tempoh polisi, yang mana lebih awal, jumlah diinsuranskan akan dibayar tertakluk kepada bayaran sekali gus maksimum RM1 juta apabila tuntutan dibuat. Baki jumlah diinsuranskan akan dibayar pada ulang tahun pertama hilang upaya\* atau kematian hayat diinsuranskan, mana-mana yang berlaku dahulu.

(Sila rujuk Dokumen Polisi untuk definisi TPD)

<sup>2&3</sup> Sila rujuk 'Nota Penting' untuk definisinya.

\* Tertakluk kepada bukti hilang upaya yang berterusan.

## **Bayaran Tahunan Terjamin**

Akan dibayar setiap tahun dari akhir tahun polisi pertama sehingga berlakunya Kematian, TPD atau kematangan, mana-mana yang berlaku dahulu. Hayat Diinsuranskan boleh memilih untuk mengumpulkan Bayaran Tahunan Terjamin sehingga polisi matang.

## **Apabila Polisi Diserahkan**

Nilai tunai terjamin; serta

Sebarang nilai tunai bonus-bonus<sup>2 & 3</sup>; serta

Sebarang Bayaran Tahunan Terjamin terkumpul akan dibayar.

**Nota:** Untuk pelan juvenil, sekiranya berlaku kematian, penyakit kritikal atau TPD sebelum umur 5 tahun pada hari jadi akan datang, perkadarannya jumlah asas yang diinsuranskan yang telah dibayar adalah pada umur 1 tahun pada hari jadi akan datang: 20%, umur 2 tahun pada hari jadi akan datang: 40%, umur 3 tahun pada hari jadi akan datang: 60%, umur 4 tahun pada hari jadi akan datang: 80%, umur 5 tahun pada hari jadi akan datang: 100%.

<sup>2 & 3</sup> Sila rujuk 'Nota Penting' untuk definisinya.

## **4. Apakah manfaat tambahan yang pelan ini tawarkan kepada saya?**

Hanya dengan membayar premium tambahan, pelan/rider seperti yang berikut boleh ditambah ke pelan **PRU**Cash Double Reward supaya anda boleh mendapatkan perlindungan yang lebih mantap dan menyeluruh.

|                          |  |
|--------------------------|--|
| Double Enhancer          | Menyediakan bayaran tahunan terjamin tambahan bermula dari akhir tahun polisi pertama dan bayaran tunai sekaligus tambahan apabila polisi matang.  |
| <b>PRU</b> Waiver        | Mengecualikan semua premium masa depan untuk pelan penyertaan sekiranya Hayat Diinsuranskan disahkan menghidap penyakit kritikal.  |
| <b>PRU</b> Spouse Waiver | Mengecualikan semua premium masa depan untuk pelan penyertaan sekiranya pasangan Hayat Diinsuranskan meninggal dunia, disahkan menghidap penyakit kritikal dalam tempoh polisi atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal sebelum Ulang Tahun Polisi umur 60 tahun pada hari jadi akan datang atau pada tamat tempoh rider, yang mana lebih awal.  |
| <b>PRU</b> Parent Waiver | Sekiranya ibu bapa Hayat Diinsuranskan meninggal dunia, disahkan menghidap penyakit kritikal dalam tempoh polisi atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal sebelum Ulang Tahun Polisi umur 60 tahun pada hari jadi akan datang atau pada tamat tempoh rider, yang mana lebih awal, semua premium masa depan untuk pelan penyertaan akan dikecualikan sehingga anak mencapai umur 25 tahun pada hari jadi akan datang atau hujung tempoh pembayaran premium, yang mana lebih awal. |

Pelan tanpa penyertaan lain untuk meningkatkan keperluan perlindungan anda!

Tambahan kepada pelan penyertaan di atas, anda boleh membeli pelan tanpa penyertaan yang diantaranya termasuklah penepian premium serta insurans jangka dan lain-lain.

Pelan tanpa penyertaan tersebut boleh dibeli secara asing dan mana-mana lebihan yang timbul daripada produk tanpa penyertaan tidak akan diedarkan kepada pemegang polisi.

|  |  |
|--|--|
| <b>PRU</b> Legacy                                | Akan membayar baki Bayaran Tahunan Terjamin kepada waris kadim apabila Hayat Diinsuranskan meninggal dunia dalam tempoh polisi atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal sebelum Ulang Tahun Polisi umur 60 tahun pada hari jadi akan datang atau pada tamat tempoh polisi, yang mana lebih awal.   |
| <b>PRU</b> Waiver<br>( <b>PRU</b> Legacy)        | Mengecualikan semua premium masa depan untuk pelan tanpa penyertaan sekiranya Hayat Diinsuranskan disahkan menghidap penyakit kritis.  |
| <b>PRU</b> Spouse Waiver<br>( <b>PRU</b> Legacy) | Mengecualikan semua premium masa depan untuk pelan tanpa penyertaan sekiranya pasangan Hayat Diinsuranskan meninggal dunia, disahkan menghidap penyakit kritis dalam tempoh polisi atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal sebelum Ulang Tahun Polisi umur 60 tahun pada hari jadi akan datang atau pada tamat tempoh rider, yang mana lebih awal.  |
| <b>PRU</b> Parent Waiver<br>( <b>PRU</b> Legacy) | Sekiranya ibu bapa Hayat Diinsuranskan meninggal dunia, disahkan menghidap penyakit kritis dalam tempoh polisi atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal sebelum Ulang Tahun Polisi umur 60 tahun pada hari jadi akan datang atau pada tamat tempoh rider, yang mana lebih awal, semua premium masa depan untuk pelan tanpa penyertaan akan dikekalkan sehingga anak mencapai umur 25 tahun pada hari jadi akan datang atau hujung tempoh pembayaran premium, yang mana lebih awal. |

Penerangan di atas meringkaskan ciri-ciri untuk setiap produk. Sila merujuk kepada Lampiran Keterangan Produk, Ilustrasi Jualan atau Dokumen Polisi untuk butiran bagi setiap produk.

## 5. Siapa yang boleh menyertai **PRU**Cash Double Reward?

Pelan ini amat sesuai untuk individu yang berumur di antara umur 1 - 60 tahun pada hari jadi akan datang yang:

- Mahukan pelan simpanan dengan perlindungan berganda
- Muhi menerima aliran bayaran yang mantap dan bonus

Anda juga boleh membeli pelan ini untuk anak anda yang berumur di bawah umur 15 tahun pada hari jadi akan datang.

## 6. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang perlu dibayar ditentukan oleh umur penyertaan anda, jantina, status merokok dan jenis pelan yang dipilih.

### **Bayaran premium**

Premium boleh dibayar secara tahunan, setiap setengah tahun, setiap suku tahun atau setiap bulan melalui Debit Terus, Kad Kredit, Tunai atau Cek.

# Nota Penting

- 1** Anda boleh memilih untuk menerima Bayaran Tahunan Terjamin (juga dikenali sebagai Manfaat Hidup) berdasarkan opsyen ini:

**Opsyen 1 :** Menerima pembayaran secara tunai untuk menampung perbelanjaan

**Opsyen 2 :** Mengumpulkan pembayaran dan memperoleh faedah terkompaun sepanjang tempoh polisi, dan menerimanya dalam jumlah sekali gus apabila matang.

**Nota:** Nilai kompaun faedah yang diperoleh tidak dijamin dan tertakluk kepada perubahan.

## 2 Bonus Berbalik Kompaun (CRB)

- Bonus yang diisyiharkan setiap tahun dalam tempoh polisi. Jumlah bonus ini tidak dijamin dan akan bergantung kepada, antara faktor lainnya, prestasi pelaburan sebenar yang dicapai oleh Syarikat.
- Akan ada mulai tahun kalender selepas ulang tahun pertama polisi.
- Akan dibayar sepenuhnya apabila pelan matang, sekiranya hayat diinsuranskan meninggal dunia atau mengalami TPD.
- Nilai penuh CRB yang diisyiharkan tidak akan dibayar apabila polisi ini ditamatkan lebih awal, diserahkan atau ditukar.

## 3 Bonus Terminal

Akan dibayar apabila pelan ini matang, sekiranya hayat diinsuranskan meninggal dunia atau mengalami TPD atau apabila polisi ini diserahkan.

## 4 Manfaat Pendapatan Terjamin (GIB) hanya digunakan jika anda membeli PRULegacy

Manfaat yang akan dibayar ialah:

- 3% daripada jumlah asas diinsuranskan\* bagi akhir tahun polisi 1 - 5
- 6% daripada jumlah asas diinsuranskan\* bagi akhir tahun polisi 6 dan seterusnya

Contoh:

Jika polisi mempunyai Jumlah Asas Diinsuranskan sebanyak RM100,000 dan tempoh 20 tahun dan Hayat Diinsuranskan meninggal dunia dalam tahun ke-7, GIB yang akan dibayar ialah RM6,000 dari akhir tahun ke-7 sehingga tahun polisi ke-20.

**Nota:** Bonus Berbalik Kompaun dan Bonus Terminal yang diisyiharkan adalah tidak dijamin dan akan bergantung pada keputusan operasi dan pelaburan sebenar yang dicapai oleh Prudential. Sila rujuk Ilustrasi Jualan untuk maklumat lanjut.

\* Jumlah diinsuranskan awal yang dipilih.

# Terma dan Syarat

- > Syarikat mempunyai hak untuk mengubah kadar premium (kecuali kadar premium untuk manfaat Kematian dan TPD) pada Ulang Tahun Polisi dengan memberi notis 90-hari terdahulu.
- > Anda hendaklah menilai kemampuan bayar dan kesesuaian produk (termasuk manfaat tambahan) berkaitan dengan matlamat kewangan dan tahap risiko anda. Untuk berbuat demikian, kami mengesyorkan anda berbincang dengan ejen atau Perancang Kewangan anda yang akan membuat analisis keperluan dan membantu anda membuat keputusan termaklum.
- > Sekiranya anda tidak membayar premium seperti yang dijadualkan, maka jumlah nilai tunai yang ada akan digunakan untuk membayar premium melalui Pinjaman Premium Automatik. Jika nilai tunai tersebut tidak mencukupi untuk membayar premium tertunggak atau pinjaman lain dengan Syarikat, maka polisi anda akan luput.
- > Jika anda membatalkan polisi ini pada tahun-tahun awal, anda mungkin tidak dapat memperoleh nilai penuh daripada jumlah yang telah anda bayar. Apabila polisi ini diserahkan, pelbagai manfaat di bawah pelan ini tidak akan diberikan.
- > Anda diberikan tempoh percubaan selama 15 hari selepas polisi anda diserahkan kepada anda untuk membolehkan anda mengkajinya semula bagi memastikan ia memenuhi keperluan anda. Jika polisi ini dibatalkan dalam tempoh ini, premium penuh, termasuk cukai (jika ada) tolak perbelanjaan perubatan yang ditanggung (jika ada) akan dikembalikan.
- > Sekiranya kematian disebabkan oleh bunuh diri dalam tempoh setahun dari tarikh efektif polisi atau tarikh penguatkuasaan semula polisi, yang mana lebih kemudian, semua premium yang telah dibayar (tidak termasuk cukai, jika ada) akan dikembalikan tanpa faedah. Sila rujuk kepada Dokumen Polisi, Lampiran Keterangan Produk dan Ilustrasi Jualan untuk senarai penuh pengecualian-pengecualian di bawah polisi ini.
- > Risalah ini adalah bagi tujuan ilustrasi sahaja. Anda dinasihatkan supaya merujuk kepada Lampiran Keterangan Produk dan Ilustrasi Jualan sebelum membeli pelan ini, serta merujuk kepada terma dan syarat di bawah pelan ini dalam Dokumen Polisi untuk butir-butir mengenai ciri-ciri penting pelan ini.
- > Prudential Assurance Malaysia Berhad (PAMB) adalah syarikat insurans berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

## Sediakan masa depan yang terjamin untuk keluarga anda hari ini!

Untuk bantuan peribadi, hubungi **03-2116 0228**, e-mel kami di  
**customer.mys@prudential.com.my** atau hubungi Perancang Kekayaan  
Prudential anda yang mesra.

**Prudential Assurance Malaysia Berhad** (107655-U)

Level 20, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,  
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 03-2116 0228

Emel: customer.mys@prudential.com.my

**www.prudential.com.my**



Mendengar. Memahami. Melaksana.